

# KATA PENGANTAR III



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT atas kejayaan pasukan penyelidik Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam menghasilkan dapatan penyelidikan ini melalui kajian Indeks Keselamatan Kebangsaan (IKK). Indeks ini melibatkan 9 teras utama: (1) kedaulatan dan keutuhan wilayah; (2) kestabilan sosiopolitik; (3) kesepaduan nasional; (4) tadbir urus yang baik; (5) keutuhan ekonomi; (6) keadilan sosial; (7) pembangunan mampan; (8) keselamatan rakyat; dan (9) pengiktirafan antarabangsa. Kejayaan penyelidikan translasi ini merupakan sumbangan besar UiTM kepada negara secara keseluruhannya.

Sehubungan dengan itu, selaku Naib Canselor UiTM, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang membiayai sepenuhnya projek konsultasi berjumlah RM499,999.88. Hasil kerjasama strategik Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersama Universiti Teknologi MARA (UiTM) berjaya melengkapkan Kajian IKK dalam tempoh sembilan bulan (1 Mac sehingga 30 November 2022). Hasil kejayaan dalam melengkapkan kajian berskala besar di peringkat negara ini tidak dapat direalisasikan tanpa adanya kerjasama strategik penyelidikan yang baik di antara pihak UiTM dan MKN. Sinergi antara dua agensi, iaitu di antara pihak kerajaan dan universiti telah membuahkan impak penyelidikan yang luar biasa untuk dimanfaatkan kepada negara dan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada kepimpinan tertinggi MKN, YM Raja Dato' Nushirwan Zainal Abidin (Ketua Pengarah Keselamatan Negara), YBhg. Datuk Haji Rodzi Md Saad (mantan Ketua Pengarah Keselamatan Negara), YBrs. Encik Mohamad Shukri Nawi, (mantan Ketua Eksekutif Pusat Strategi Keselamatan Negara (NASTRAC), MKN), YBrs. Encik Shamril Faizalis

bin Shamsul Bahari (Mantan Ketua Eksekutif Pusat Strategi Keselamatan Negara (NASTRAC), MKN), YBrs. Puan Nurul Asyiran binti Abas (Penolong Pengarah) serta barisan pengurusan tertinggi dan semua pegawai MKN yang banyak membantu dalam menjayakan kajian ini.

Seterusnya, ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Prof. Ts. Dr. Norazah Abd Rahman selaku Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UiTM serta YBhg. Prof. Ts. Dr. Mohd Nazip Suratman selaku mantan TNCPI UiTM di atas kejayaan melonjakkan agenda penyelidikan di peringkat kebangsaan, terutamanya agensi penting negara seperti MKN. Seterusnya, saya sangat berbesar hati dengan kejayaan penyelidik UiTM yang diketuai oleh YBhg. Prof. Dr. Yarina Ahmad bersama 81 para penyelidik dan 6 pembantu penyelidik, dengan kerjasama 58 pegawai penyelidik strategik MKN di seluruh negeri di atas kejayaan membangunkan IKK ini. Kejayaan hasil penyelidikan ini merupakan sumbangan terbesar dalam usaha untuk memperkukuhkan keselamatan negara secara berterusan. Kejayaan anda semua merupakan kejayaan UiTM yang seterusnya menjadi sumbangan terbaik UiTM kepada negara.

Seperti yang diketahui, kapasiti penyelidik dalam pelbagai bidang serta berada di seluruh negara merupakan kekuatan UiTM dalam melaksanakan agenda penyelidikan, memberikan pendidikan berkualiti, serta menjayakan agenda dunia ke arah pembangunan yang mampan (*Sustainable Development Goals* - SDGs). Oleh yang demikian, sebagai Naib Canselor UiTM, universiti terbesar di Malaysia, saya akan sentiasa memberi galakan dan sokongan sepenuhnya terhadap semua inisiatif universiti yang akan memberi manfaat kepada negara dan bangsa. Semoga jalinan kerjasama bersama MKN akan terus dapat dipanjangkan lagi dalam apa jua bidang untuk kejayaan bersama.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN SAHIB @ SAHIBUDDIN**

Naib Canselor

Universiti Teknologi MARA

